

SIKAP PELAJAR TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DI IPTA

Azman Che Mat
Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Terengganu
23000 Dungun, Terengganu, Malaysia
Tel: 609-8403945/6013-9818980 E-mel: azman531@tganu.uitm.edu.my

Abstrak

Pada masa kini bahasa Arab secara meluas dipelajari baik pada peringkat sekolah mahupun peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT). Oleh yang sedemikian makalah ini ditulis untuk melihat aspek-aspek yang menyebabkan pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa asing ketiga oleh pelajar. Pendekatan perbandingan digunakan sebagai kaedah kajian kerana kajian ini ingin meninjau apakah mungkin wujud persamaan mahupun perbezaan daripada populasi yang berbeza, iaitu dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Terengganu dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA). Sampel kajian terdiri daripada pelajar yang mengambil kursus program diploma. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik untuk mendapatkan data. Dapatan kajian menunjukkan terdapat banyak persamaan berbanding dengan perbezaan. Kajian ini juga telah mengemukakan beberapa penemuan yang menunjukkan ada permasalahan motivasi dan sikap yang perlu ditangani oleh pengajar-pengajar bahasa Arab di peringkat IPT. Seterusnya, beberapa saranan telah dicadangkan untuk mengatasi permasalahan ini.

Kata Kunci: sikap, pembelajaran, bahasa Arab, IPTA

1. Pengenalan

Pembelajaran bahasa Arab di peringkat IPT sebagai bahasa asing bukan lagi perkara baru. Beberapa tahun kebelakangan ini, pengajaran Bahasa Arab begitu popular sama ada di sekolah bukan beraliran agama mahupun di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Pada peringkat sekolah, aliran sekolah agama telah pun mewajibkan subjek bahasa Arab berdasarkan pendekatannya yang tersendiri. Manakala pendekatan yang berlainan digunakan di sekolah bukan beraliran agama atau pun bahasa Arab sebagai bahasa ketiga di IPTA dan IPTS.

Senario hari ini memperlihatkan bahawa kerajaan Malaysia turut memberi galakan kepada semua pelajar supaya mempelajari bahasa Arab bermula dari peringkat sekolah rendah lagi, seperti pelancaran projek rintis J-Qaf di sekolah-sekolah rendah di mana antara tujuannya ialah mewajibkan pembelajaran bahasa Arab bagi pelajar Islam dan bahasa Arab sebagai mata pelajaran pilihan bagi pelajar bukan Islam sebelum mereka tamat sekolah rendah (Ucapan Menteri Pelajaran, 2004). Semestinya, ini akan mempengaruhi minat dan kecenderungan masyarakat untuk menguasai bahasa ini bagi menyahut seruan kerajaan pada masa akan datang.

Dari aspek pendidikan, bahasa asing berperanan dalam mempercepatkan pemindahan ilmu berbanding terjemahan kerana beberapa kelemahan. Antaranya ialah kerana sesebuah bahasa itu mempunyai “kebudayaan bahasa” dan sebarang usaha untuk melepaskannya daripada budaya itu adalah tidak wajar (Muhammad, 1979: 15). Oleh

yang sedemikian, tidak begitu lengkap sesuatu maklumat itu jika hanya berdasarkan sumber terjemahan semata.

Namun terdapat beberapa halangan dalam pemerolehan bahasa asing seperti gangguan bahasa, gangguan peralihan kod, gangguan persekitaran, gangguan dialek, gangguan interlinggual dan intralinggual (Mahamod, 2000: 602). Menurut kajian yang dijalankan oleh MacWhinney (2007: 4-15), terdapat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi kebolehan menguasai bahasa asing seperti perbezaan individu, pembelajaran sistem ejaan dan tulisan, pembelajaran fonologi dan fonetik, pembelajaran kosa kata, pembelajaran morfo-sintaksis, proses sintaksis dan pembelajaran.

Di Malaysia, tujuan pembelajaran bahasa Arab adalah seperti yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran bagi sekolah-sekolah kementerian dan boleh digunapakai untuk pelbagai peringkat pengajian. Matlamat pengajaran bahasa Arab di Malaysia (Kementerian Pelajaran, 2009) ialah:

- memperoleh kemahiran mendengar siaran dan membaca tulisan bahasa Arab serta memahami dan menceritakannya.
- bertutur bahasa Arab standard dengan fasih dan mampu bertukar fikiran
- mampu membaca pelbagai genre sastera.
- mampu menulis dalam pelbagai genre penulisan
- menguasai tulisan Arab dan mampu menulis berdasarkan kaedah-kaedahnya seperti Naskh dan Riq'ah.
- menghafaz wazan-wazan asasi *sorf* yang dipetik daripada teks dan mengaplikasinya
- memperoleh kemahiran dan kecekapan aspek-aspek bahasa dan balaghah demi memahami dan menikmati keindahan bahasa serta menggunakannya
- memperoleh perbendaharaan kata tidak kurang daripada 1,500 perkataan

Matlamat di atas sudah pasti boleh dicapai dengan mengambil kira kebolehan, kemampuan dan motivasi pelajar yang mempelajari bahasa Arab.

2. Objektif Kajian

Makalah ini cuba mencapai objektif-objektif berikut, iaitu:

1. mengenalpasti pandangan pelajar terhadap bahasa Arab yang dipelajari di UiTM dan UnisZA.
2. mengenalpasti persamaan dan perbezaan antara kedua-dua IPTA tersebut dari aspek faktor-faktor yang menyumbang kepada pandangan itu.

3. Metodologi

Sampel

Kajian ini menetapkan dua populasi yang berbeza untuk dijadikan sampel kajian. Sampel daripada UiTM diambil daripada populasi 120 orang. Setelah merujuk kepada jadual persampelan oleh Sekaran (2000: 159), jumlah 100 orang responden yang dipilih itu sudah memadai untuk kajian. Manakala sampel daripada UnisZA, penyelidik telah mengambil semua populasi kerana populasi yang ada adalah kecil, iaitu 64 orang sahaja. Jumlah responden yang dipilih secara strata sebagai sampel kajian seperti di jadual berikut.

Jadual 1: Jumlah responden di UiTM Terengganu dan UnisZA

Responden	UiTM	UnisZA
Jumlah	100 orang	64 orang
Kursus	Diploma	Diploma

Latar Belakang Responden

Memandangkan kajian ini berbentuk perbandingan, maka sampel kajian yang diambil adalah daripada kursus diploma sahaja. Hal ini kerana di UnisZA hanya pelajar kursus diploma sahaja yang mengambil bahasa Arab sebagai bahasa asing pilihan selain bahasa Mandarin. Manakala di UiTM, pelajar peringkat ijazah juga boleh memilih bahasa Arab sebagai bahasa asing ketiga dalam kursus peringkat ijazah mereka (Ghazali et al. 2011).

Instrumen Kajian

Borang soal selidik ini mempunyai dua bahagian sahaja iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A hanya berkaitan dengan latar belakang responden secara umum termasuklah program pengajian. Manakala Bahagian B pula berkaitan dengan data-data yang diperlukan untuk kajian seperti pengalaman, persepsi dan aspek-aspek yang berkaitan dengan pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa asing ketiga. Penyelidik menganalisa data-data kajian berdasarkan ukuran kekerapan dan mean.

Analisis Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk membincangkan dapatan kajian. Maka perisian SPSS digunakan untuk mendapatkan hasil kajian dalam bentuk angka. Namun, statistik mudah sahaja digunakan untuk tujuan tersebut seperti purata dan analisis kekerapan dan peratus.

4. Dapatan Kajian

Taburan Responden Mengikut Program Pengajian

Di UiTM, pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab terdiri daripada pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, Pengurusan Bank dan Analisis Pelaburan. Masing-masing mengikut kekerapan 46.0%, 35.0% dan 19.0%. Data ini menunjukkan bahawa pelajar daripada Diploma Pengajian Perniagaan mendominasi dalam mempelajari bahasa Arab pada ketika ini.

Sementara itu, dapat dilihat bahawa pelajar-pelajar yang mengambil bahasa Arab di UnisZA datang daripada pelbagai program pengajian. Pelajar Diploma Undang-Undang adalah paling banyak iaitu 40.6% diikuti pelajar Diploma Teknologi Pembuatan sebanyak 20.3%. Manakala jumlah yang paling sedikit iaitu 1.6% terdiri daripada pelajar Diploma Teknologi Maklumat, Teknologi Multimedia, Pemasaran, Pengajian Bank, Pengajian Insuran dan Perakaunan.

Taburan Responden Mengikut Jantina

Berdasarkan jantina, golongan siswi masih lagi merupakan majoriti yang mengambil bahasa Arab. Hal ini disebabkan faktor sosial yang rata-rata kebanyakan pelajar-pelajar di IPT pada masa kini didominasi oleh siswi.

Hal ini tidak berbeza di antara UiTMT dengan UnisZA. Responden siswa di UiTMT ialah 21.0% dan UnisZA ialah 18.8%, manakala responden siswi pula ialah 79.0% di UiTM dan 81.3% di UnisZA.

Taburan Responden Mengikut Agama

100% pelajar yang mengambil bahasa Arab pada tempoh ini beragama Islam, sama ada di UiTMT atau pun di UnisZA. Perkara ini disebabkan kebanyakan pelajar yang belajar di UiTMT dan UnisZA adalah Melayu bumiputera, maka majoritinya adalah beragama Islam.

Pengalaman Bahasa Arab Responden di Institusi

Setelah dibandingkan di antara pelajar di kedua institusi ini memang terdapat persamaan yang hampir dari segi pengalaman mereka mempelajari bahasa Arab di institusi masing-masing. Bagi pelajar yang pernah mempelajari bahasa asing selain bahasa Arab di UiTM, hanya 7.0% mengatakan pernah manakala di UnisZA hanya 3.1% mengatakan pernah. Hal ini bererti, bahasa Arab merupakan bahasa asing pertama dipelajari di UiTM dan UnisZA oleh kebanyakan responden.

Persekitaran memainkan peranan untuk membantu pembelajaran bagi 75.0% responden di UiTM sedangkan 76.6% responden di UnisZA juga beranggapan sedemikian. Hal ini membuktikan majoriti responden menganggap persekitaran institusi membantu mereka mempelajari bahasa Arab.

Dari segi kemudahan di institusi, 88.0% responden di UiTM menyatakan ia membantu mereka sementara di UnisZA sebanyak 56.3% responden sahaja menyatakan begitu.

Maklum balas dengan cara penyampaian menunjukkan responden di UiTM suka dengan penyampaian bahasa Arab oleh pensyarah mereka dengan jumlah sebanyak 96.0% berbanding UnisZA sebanyak 67.2% sahaja.

Pengalaman Bahasa Arab Sebelum ke IPT

Kebanyakan pelajar yang mengambil bahasa Arab itu terdiri daripada mereka yang telah mempunyai pengalaman dengan bahasa Arab sejak di sekolah lagi. Situasi ini berlaku di kedua-dua institusi di mana UiTM mencatatkan sebanyak 69% responden manakala UnisZA pula sebanyak 75.0% responden. Manakala sahabat menjadi faktor kedua bagi responden UiTM (19.0%) dan keluarga sebagai faktor kedua bagi responden UnisZA (18.8%) yang memberi pengalaman pertama kepada bahasa Arab bagi sebahagian pelajar. Keluarga (6.0%) dan media (9.6%) tidak begitu membantu responden di UiTM mengenali bahasa Arab sebagaimana sahabat (7.8%) dan media (4.7%) bagi responden di UnisZA.

Pendapat Responden Terhadap Bahasa Arab

Di UiTM dan UnisZA, mean yang diperolehi adalah sederhana secara keseluruhannya iaitu 2.17 dan 2.34.

Jadual 2: Mean pendapat responden bagi sampel di UiTM

Perkara	N	Minimum	Maksimum	Mean	Sisih Piawai
Tahap Kesukaran Bahasa Arab	100	1	4	3.02	.603

Tahap Sukatan	100	1	5	2.82	.657
Perhatian	100	1	2	1.32	.469
Perbincangan	100	1	3	1.64	.612
Penggunaan dalam Komunikasi	100	1	3	2.06	.445
				2.17	

Jadual 3: Mean pendapat responden bagi sampel di UnisZA

Perkara	N	Minimum	Maksimum	Mean	Sisih Piawai
Tahap Kesukaran					
Bahasa Arab	64	1	5	2.89	.715
Tahap Sukatan	64	1	5	2.91	.610
Perhatian	64	1	3	1.67	.536
Perbincangan	64	1	3	2.05	.486
Penggunaan dalam Komunikasi	64	1	3	2.16	.479
				2.34	

Hal ini bermaksud, responden berpendapat bahawa tahap kesukaran bahasa Arab dan tahap sukatan adalah pada paras sederhana. Manakala sikap mereka pula juga sederhana terhadap perhatian, perbincangan dan menggunakan bahasa Arab dalam komunikasi.

Kesukaran yang Terdapat dalam Bahasa Arab

Kesukaran yang paling ketara dihadapi oleh responden ialah tatabahasa. Sebanyak 77% responden UiTM dan 78% responden UnisZA menyatakan kesukaran tatabahasa adalah yang paling utama dalam pembelajaran bahasa Arab. Namun peratus kesukaran tulisan adalah paling rendah iaitu 28% di UiTM dan 14.1% di UnisZA. Kesukaran lain adalah menurut susunan berikut iaitu ejaan (61.0%), kefahaman (52.0%) dan sebutan (29.0%) di UiTM manakala di UnisZA ialah kefahaman (65.6%), sebutan (45.3%) dan ejaan (32.8%).

Bentuk Persekitaran yang membantu Pembelajaran Bahasa Arab

Ternyata bahawa pengajar dan kawan-kawan merupakan faktor persekitaran yang paling utama membantu pembelajaran responden. Di UiTM mencatatkan bahawa pengajar dan kawan-kawan adalah sebanyak 42.0% daripada responden dan di UnisZA pula ialah 39.1% bagi pengajar dan 34.4% kawan-kawan.

Faktor lain seperti media, keluarga dan suasana kampus tidak begitu membantu persekitaran responden. Di UiTM mencatatkan kampus (7.0%), keluarga (3.0%) dan media massa sebanyak (2.0%). Di UnisZA pula mencatatkan kampus (20.3%), keluarga (12.5%) dan media massa (4.7%).

Kemudahan yang disediakan untuk Pembelajaran Bahasa Arab

Kekerapan responden yang tahu apakah kemudahan yang disediakan oleh institusi masing-masing untuk pembelajaran bahasa Arab ialah kemudahan buku teks iaitu 76% di UiTM dan 32.8% di UnisZA diikuti makmal bahasa sebanyak 37.0% di UiTM dan 15.6% di UnisZA.

Kemudahan lain ialah alat bantu mengajar dan bilik tayangan video yang masing-masing adalah 11.0% diikuti radio sebanyak 5.0% di UiTM. Manakala di UnisZA pula mengikut turutan berikut, iaitu bilik tayangan video (12.5%), alat bantu mengajar (6.3%) dan radio (1.6%).

Faktor-faktor Pemilihan Bahasa Arab

Faktor tiada pilihan adalah faktor utama sama ada di UiTM (58.0%) mahupun di UnisZA (34.4%).

Faktor kedua tertinggi di UiTM ialah minat iaitu sebanyak 30.0% manakala di UnisZA ialah faktor agama iaitu sebanyak 32.8%.

Seterusnya faktor ketiga adalah agama (14.0%) di UiTM dan minat (26.6%) di UnisZA. Faktor lain masing-masing adalah pengaruh rakan (7.0%), faktor lain (6.0%) dan tren masa kini (2.0%) di UiTM, manakala faktor keluarga tiada kaitan langsung dengan pemilihan bahasa Arab.

Di UnisZA pula faktor keluarga agak mempengaruhi iaitu sebanyak 12.5%. Faktor-faktor lain pula adalah faktor lain (4.7%) dan tren semasa dan pengaruh rakan (1.6%). Faktor lain yang dapat dikesan dalam kajian ini ialah responden yang mengambil bahasa Arab atas nasihat penyelarasan program baik di UiTMT mahupun di UnisZA.

5. Perbincangan

Objektif pertama kajian ini terjawab berdasarkan kepada latar belakang responden yang kebanyakannya mempunyai pengalaman mempelajari bahasa Arab sebelum menyambung pengajian di universiti. Hal ini mungkin disebabkan oleh sikap bahawa mereka mempunyai kelebihan dan menganggap bahasa Arab itu mudah (Ghazali et al., 2010) Selebihnya mereka mengambil bahasa Arab sebagai pilihan disebabkan oleh pengaruh kawan, media dan keluarga.

Ternyata bahawa meskipun bahasa Arab telah diperkenalkan di peringkat sekolah, namun ia masih tidak mampu membentuk sikap minat pelajar untuk mendalami dan meningkatkan penguasaan bahasa Arab. Hal ini disebabkan oleh sikap bahawa bahasa Arab tidak penting dan mereka belajar sekadar untuk mendapatkan ganjaran CGPA (Ghazali et al., 2010). Di sini perlu adanya satu usaha yang boleh mengubah sikap dan anggapan pelajar terhadap bahasa Arab pada masa akan datang bermula di peringkat sekolah lagi.

Media massa di Malaysia masih tidak berperanan besar untuk membentuk persekitaran bahasa Arab di Malaysia. Oleh yang sedemikian perlu ada lebih usaha untuk menjadikan media massa terutama elektronik sebagai saluran yang dapat mendedahkan penggunaan dan kepentingan bahasa Arab dalam dunia hari ini. Di samping itu media massa percetakan perlu juga memainkan peranan untuk mewujudkan persekitaran bahasa Arab dengan menerbitkan bahan bercetak berbahasa Arab untuk bacaan umum.

Meskipun tahap sukatan bahasa Arab yang disediakan berada pada tahap sederhana kepada kebanyakan pelajar, namun hal ini tidak semestinya dapat mendorong pelajar meminati bahasa Arab sepenuhnya. Perlu bagi pengajar bahasa Arab mengetahui bahawa sukatan yang disediakan adalah sesuai dan lebih menarik sesuai dengan tahap umur pelajar secara umum.

Penyampaian mata pelajaran bahasa Arab yang memuaskan bagi kebanyakan pelajar masih tidak mampu untuk menjadikan pelajar berminat dengan bahasa Arab. Jelas ada

masalah lain yang menghalang minat pelajar terhadap penguasaan bahasa Arab meskipun pengalaman di sekolah, sukatan yang sederhana dan penyampaian yang memuaskan telah tersedia.

Dari segi kemudahan, buku teks merupakan kemudahan paling utama disediakan oleh institusi ini. Oleh itu perlu ada pemantauan terhadap kemudahan ini dari semasa ke semasa agar ia dapat diberi penambahbaikan yang bersesuaian dengan keperluan semasa dan situasi pelajar. Meskipun begitu, kebergantungan kepada buku teks semata-mata adalah tidak memadai tanpa bahan-bahan yang lain seperti komputer dan internet kerana pelajar tidak terdedah dengan penggunaan bahan autentik (Ghazali et al. 2012). Bagi mewujudkan suasana autentik dalam pembelajaran bahasa, penggunaan video adalah disarankan (Nikitina, 2011).

Masalah tatabahasa merupakan suatu kesukaran bagi kebanyakan pelajar. Meskipun sukatan bahasa Arab-sebagai subjek bahasa asing-yang disediakan bukan beorientasikan kepada nahu, namun kesukaran tatabahasa tetap mengelirukan pelajar. Perkara ini selari dengan hasil kajian oleh Azman & Goh (2010) yang mendapati bahawa para pelajar bahasa Arab mengharapkan mereka dapat memahami tatabahasa dan ia diajarkan secara langsung. Oleh itu perlu diberi penjelasan yang sewajarnya berhubung dengan masalah tatabahasa bahasa Arab di samping memelihara ketepatan dan standardnya. Pengajaran nahu perlu disampaikan kepada pelajar secara tidak langsung bersama dengan bahan-bahan lain. Hal ini boleh mengelakkan pelajar daripada menumpukan perhatian kepada masalah tatabahasa semata-mata.

6. Rumusan

Kesimpulannya, disarankan perlu ada usaha yang bersungguh-sungguh dan berterusan baik di peringkat sekolah, IPT mahupun pihak kerajaan untuk bekerjasama meningkatkan minat masyarakat bumiputera Melayu dan Islam agar menyayangi dan menguasai bahasa Arab sebagai bahasa yang menghubungkan wahyu Ilahi dan tamadun Islam dengan dunia pada hari ini.

Akhir sekali, kajian-kajian lanjutan harus dilakukan secara berterusan oleh institusi yang menawarkan bahasa Arab sebagai bahasa asing pilihan. Perkara ini penting untuk mengenalpasti sikap dan potensi pelajar-pelajar yang mengambil bahasa Arab. Sebarang tindakan positif perlu dilaksanakan untuk memaksimumkan motivasi mereka dari masa ke masa demi penguasaan bahasa Arab. Jika tidak, proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab hanya membuang masa atau sekadar memenuhi syarat kursus semata.

Rujukan

Abdul Qadir & Zainal Abidin. (1990). *Pengajaran bahasa Arab di Sekolah Kementerian Malaysia*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pembangunan Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia pada tahun 1990 bertempat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Azman Che Mat & Goh Ying Soon. (2010). Grammar in The Classroom: Student's Expectation and Reality The Case of Arabic and Mandarin. *Novitas-ROYAL (Research on Youth and Language)*, 4(1), 51-63.

Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, & Parilah M. Shah. (2010). Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 10(3), 15-33.

- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, Wan Haslina Wah Muhammad, & Ahmed Thalal Hassan. (2011). Kepercayaan Jangkaan Keupayaan Kendiri Dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(1), 81-96.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, Muhammad Arsyad Abdul Majid, & Wan Haslina Wah. (2012). Penggunaan Bahan Pembelajaran Dalam Kursus Bahasa Arab. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(1), 215-233.
- MacWhinney, B. (2007). *Language-Specific Prediction in Foreign Language Learning*. <http://psyling.psy.cmu.edu/papers/CM-L2/langspecific.pdf>
- Mahamod, Zamri. (2000). *Pemindahan bahasa dalam pengajaran-pembelajaran bahasa kedua*. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 44, Bil. 5, 602-615.
- Muhammad, Ainon. (1979). *Pengantar Terjemahan: Teori dan Latihan Praktikal*. Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi.
- Nikitina, L. (2011). Creating an Authentic Learning Environment in the Foreign Language Classroom. *International Journal of Instruction* 4(1), 33-46.
- Sekaran, U. (2000). *Research Methods For Business*. USA: Thompson Publication.
- Ucapan Menteri Pelajaran pada 24 April 2004 di Sekolah Menengah Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu Sempena Pelancaran Projek Rintis J-Qaf di beberapa buah sekolah rendah di Malaysia.